

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) gemerlap
- (ii) gemuruh
- (iii) keruping
- (iv) seruling
- (v) telapak
- (vi) telunjuk

[6 markah]

- (b) *Tukarkan ayat-ayat di bawah ini kepada ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah berpadanan dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberikan.*

- (i) Encik Arsyad dan Puan Leila mempunyai *empat orang anak lelaki*.
- (ii) *Kerana hujan lebat*, latihan bola sepak pada petang ini terpaksa dibatalkan.
- (iii) Perkahwinan mereka akan diadakan *di sebuah hotel yang terkemuka di ibu kota*.
- (iv) Kuih baulu dihasilkan *dengan memukul telur dan gula sehingga kembang sebelum dimasukkan tepung*.
- (v) Kek yang ditempah sempena persaraan pengetua itu akan dihantar *sebentar lagi*.
- (vi) Gejala sosial dalam kalangan remaja disebabkan oleh *pengabaian ibu bapa*.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pertandingan taekwando yang dijalankan pada setiap tahun bertujuan untuk ujian ketangkasan para peserta.
- (ii) Musim tengkujoh yang selalunya berlaku pada hujung tahun akan menjelaskan dapatan nelayan di Terengganu dan Kelantan.
- (iii) Pelajar itu memberitahu wartawan bahawa resepi kejayaannya adalah dengan berkorbankan waktu rehat dan riadah untuk mengulang kaji pelajaran.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Cenderamata yang mereka beli itu akan diagihkan kepada para pesakit ketika sambutan Hari Autisme.
- (ii) Pihak sekolah mengadakan kolaborasi dengan Pejabat Pendidikan Daerah Pendang supaya meningkatkan kualiti pengajaran guru di daerah itu.
- (iii) Bersempena dengan peristiwa Hari Kemerdekaan yang ke-62, seluruh rakyat di negara ini disarankan supaya bersama mengibarkan Jalur Gemilang.

[6 markah]

(e) Nyatakan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.

- (i) Tidak hilang martabat, darjah atau pangkat seseorang itu biarpun dia seorang yang merendah diri.
- (ii) Perselisihan faham antara adik-beradik tidak akan berpanjangan dan mereka akan berbaik-baik semula.
- (iii) Seseorang yang lupa asal usulnya atau lupa jasa orang lain terhadapnya setelah dia mendapat kesenangan.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua peristiwa pada bahagian peleraian novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan satu peristiwa daripada latar tempat yang ditetapkan seperti yang berikut:

Novel	Latar tempat
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Bukit Candu
Di Sebalik Dinara	Rumah Agam Karl
Jendela Menghadap Jalan	Pondok usang
Pantai Kasih	Pusat Rawatan Pantai Kasih
Songket Berbenang Emas	Sungai
Tirani	Chalet Tajau Emas
Bimasakti Menari	Balai Cerap Sultan Salahuddin
Silir Daksina	Rumah Umi dan Walid

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2½ jam



1103/2

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2019

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sekian lama, para sejarawan menemukan punca kehebatan nenek moyang bangsa peribumi di tanah ini pada abad silam adalah kerana tiga perkara. Pertama, agama anutannya yang berpaksikan akidah yang satu.

Kedua, bahasa ibunda yang menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan. Ketiga, ketaatan dan kepatuhan kepada raja yang memerintah dengan adil dan saksama. Saya cuba membandingkan antara sejarah silam dengan keadaan yang berlaku pada hari ini. Saya melihat betapa jauhnya jurang yang memisahkan antara dua peta waktu itu, baik daripada landskap politik, sosial masyarakat hingga acuan agama yang dianuti bangsa saya.

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasakan sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada bonda, saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota. Tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan saya lebih terurus.

Saya perlukan kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil untuk merancang kehidupan masa depan saya.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’
oleh Husna Nazri

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan punca kehebatan nenek moyang menurut sejarawan. [2 markah]
- (ii) Penulis menyatakan ‘bahawa tanah desa halaman tidak lagi dapat menjanjikan masa depan yang lebih terurus.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku di kampung apabila anak muda berhijrah ke kota? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian siapalah cula dibeli oleh bapaku sekali emas di benua Keling itu.”

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana *ia sedia anak bendahara.*”

Maka titah baginda, “Baiklah.”

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *ia sedia anak bendahara.* [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, siapakah orang bijaksana yang terdapat di dalam negeri-negeri yang dianggap berkuasa? [3 markah]
- (iii) Kepimpinan yang hebat merupakan ciri utama kegemilangan sesebuah negara.
Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri lain yang menunjukkan kegemilangan sesebuah negara itu? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha menggalakkan industri tumbuhan herba dan kebaikan tumbuhan herba dalam bidang perubatan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pokok herba ialah tumbuhan yang dikategorikan sebagai pokok renek berbatang lembut ataupun keras dan mengandungi air yang banyak. Dahulu, pokok herba ini biasanya digunakan oleh masyarakat sebagai bahan ubat-ubatan untuk merawat penyakit dan makanan tambahan untuk menguatkan tenaga. Tumbuhan herba ini juga sering digunakan dalam masakan bagi menyedapkan rasa masakan. Tumbuhan herba yang biasa digunakan dalam masakan seperti lengkuas, kunyit, halia dan bawang putih sebenarnya mempunyai khasiat yang menakjubkan.

Kini, pengguna mula cenderung kepada produk semula jadi, lalu mereka memilih untuk menjadikan tumbuhan herba sebagai bahan utama kegunaan harian. Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil langkah proaktif menjalankan penyelidikan mengenai tumbuhan herba. Kementerian ini juga mengadakan kempen secara besar-besaran berkaitan penanaman tumbuhan herba untuk menyedarkan masyarakat tentang industri ini. Kempen ini boleh dijalankan melalui pelbagai cara termasuklah media massa agar masyarakat dapat menyedari kepentingan industri tumbuhan herba.

Bagi menyokong usaha kerajaan ini, agensi berkaitan pertanian telah mewujudkan taman-taman herba. Kewujudan taman-taman ini akan menarik minat pekerja di agensi tersebut dan juga pengunjung untuk mendalami ilmu berkaitan tumbuhan herba. Selain itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menujuhkan Taman Konservatori Pertanian yang menempatkan lebih 500 spesies tumbuhan herba yang berfungsi sebagai ubat-ubatan. Usaha yang digerakkan oleh Institut Biosains UPM ini telah berjaya menarik minat para penyelidik tempatan dan luar negara untuk menjalankan kajian perubatan bagi mengatasi pelbagai penyakit. Dalam pada itu, UPM dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah bekerjasama menjalankan penyelidikan makmal secara klinikal untuk mencari penawar kepada penyakit kanser.

Di samping itu, UPM turut menganjurkan Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubat-ubatan bagi mendedahkan masyarakat kepada kegunaan tumbuhan herba, kaedah penanaman dan penjagaannya. Dalam usaha merancakkan penanaman pokok herba ini, semua kerajaan tempatan disarankan membuat landskap tanaman herba di kawasan majlis perbandaran masing-masing di samping menanam pokok-pokok hiasan. Orang ramai juga digalakkan menanam tumbuhan herba di pekarangan rumah mereka sebagai penghias halaman rumah. Bagi menggalakkan orang ramai menanam tanaman herba ini, Jabatan Pertanian akan memberikan pendidikan penanaman herba secara praktikal seperti proses-proses penanaman, penjagaan dan fungsi tumbuhan herba dalam menyembuhkan penyakit. Usaha-usaha yang giat dijalankan ini mampu *menyerlahkan potensi* industri tumbuhan herba agar masyarakat mendapat manfaat daripadanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Keajaiban Tumbuhan Herba’
 oleh Nazrul Azim Sharuddin,
Utusan Malaysia, 10 Julai 2017

Soalan 2 : Pemahaman*[35 markah]***Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyerlahkan potensi*. *[2 markah]*
- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa kegunaan tumbuhan herba dalam kalangan masyarakat dahulu.
Nyatakan kegunaan-kegunaan tersebut. *[3 markah]*
- (iii) Penggunaan herba dalam perubatan tradisional kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada hari ini.
Pada pendapat anda, mengapa hal ini berlaku? *[4 markah]*

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atas angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

TEO WEI SING
Antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah maksud baris 4 dan 5 dalam rangkap ketiga sajak di atas?

*baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan*

[2 markah]

- (ii) Keluarga yang bahagia menjadi idaman semua orang.

Pada pendapat anda, selain ibu bapa apakah peranan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mencapai hasrat tersebut? [3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah